

Royal Belum Adventure 2.0 tingkat kesedaran pelihara alam

GERIK – Program eksplorasi biodiversiti Royal Belum Adventure 2.0 yang disertai 35 orang mahasiswa Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam pada 27 hingga 29 Disember lalu mencapai matlamatnya dalam meningkatkan kesedaran terhadap pemeliharaan alam sekitar.

Pengurus Yayasan Pulau Banding (PBF), Zufadhlan Ahmad Khushairi berkata, program anjuran pihaknya dengan kerjasama Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UiTM Shah Alam sesi 2025/2026 tersebut telah dilaksanakan di kawasan Royal Belum di sini.

“Program ini merupakan kesinambungan kepada kejayaan Royal Belum Adventure 1.0 dan diteruskan sebagai inisiatif berterusan dalam meningkatkan kesedaran terhadap pemeliharaan alam semula jadi.

“Pelaksanaan program ini turut sokongan Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP) UiTM Shah Alam, serta kolaborasi strategik bersama UMK Tropical Rainforest Research Centre (UMK-TRaCe) dan Kelab Tropical Rainforest Research and Conservation Explorers (T-Rex),” katanya di sini semalam.

Dia berkata, seramai 35 orang peserta telah mengambil bahagian terdiri daripada barisan kepimpinan mahasiswa MPP UiTM Shah Alam serta ahli Kelab T-Rex



SEBAHAGIAN pelajar UiTM Shah Alam yang menyertai program tersebut bergambar kenangan dengan kanak-kanak Orang Asli di Kampung Klewang, Royal Belum di Gerik baru-baru ini.

di bawah UMK-TRaCe.

Zufadhlan berkata, program itu dirangka sebagai platform pembelajaran berasaskan pengalaman yang menumpukan penjelajahan lapangan biodiversiti, pembangunan mahasiswa menyeluruh, pemberdayaan komuniti tempatan, serta pemeliharaan ekosistem hutan hujan tropika.

“Melalui program ini, pelbagai aktiviti berimpak tinggi telah dilaksanakan bagi beri pendedahan kepada peserta terhadap keinda-

han alam dan cabaran konservasi di Royal Belum,” katanya.

Royal Belum merupakan sebahagian daripada Kompleks Hutan Hujan Belum-Temengor iaitu antara hutan hujan tertua di dunia dengan keluasan melebihi 300,000 hektar dan kaya dengan biodiversiti.

Katanya, salah satu pengisian utama program ialah sesi interaksi bersama komuniti Orang Asli di Kampung Klewang dengan gotong-royong kampung dan pemberian barang dapur.